

ISTIGHFAR DAN TAUBAT MENAMBAH ASET NEGARA

Oleh :
SS Dato' Hj Zamri bin Hashim
Timbalan Mufti Negeri Perak

Sering difahami oleh masyarakat umum bahawa istighfar dan bertaubat itu hanya bermanfaat untuk individu sahaja. Istighfar bermaksud kita memohon pengampunan daripada Allah SWT apabila kita melakukan perlakuan yang mendatangkan dosa kepada kita. Rasulullah SAW beristighfar setiap hari sebanyak seratus kali berdasarkan kepada hadith :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، تَوُوبُوا إِلَى اللَّهِ، فَإِنِّي أَتُوبُ فِي الْيَوْمِ إِلَيْهِ مِائَةَ مَرَّةٍ

“Wahai sekalian manusia, bertaubatlah kepada Allah dan memohonlah ampun (istighfar) kepada-Nya, sesungguhnya aku bertaubat dalam sehari sebanyak 100 kali.” (HR. Muslim, 2702)

Bertaubat pula ialah kita menyesal terhadap perbuatan dosa kita lantas kita meninggalkannya dan berazam tidak mengulanginya kembali pada masa akan datang. Jika ia berkait dengan hak-hak anak Adam seperti dosa mengumpat, mencuri barangannya maka hendaklah ia meminta maaf dan mengembalikan hak-hak yang diambil kepada tuan punya semula.

Maka dapat difahami bahawa istighfar dan taubat adalah cara yang Allah SWT sediakan untuk kita menghapuskan dosa-dosa kita kerana dosa-dosa ini akan bawa masalah kepada kehidupan di dunia dan terlebih lagi ia akan membawa masalah kita di akhirat nanti.

Pemahaman yang mengatakan faedah istighfar dan taubat hanya kembali kepada individu sahaja adalah tersasar dari kebenaran. Pandangan seperti ini timbul barangkali kerana kita gagal memahami maksud dan kehendak sebenar apa yang terkandung di dalam istighfar dan taubat itu.

Perbuatan dan perlakuan yang mendatangkan dosa jika ia membudaya dan mengakar di dalam masyarakat akan mengundang bahaya kepada masyarakat berkenaan bahkan akan mengundang kepada bahaya negara. Ini ditegaskan pada surah al-An'aam ayat 6 :

الَّذِينَ يَرَوْنَ كَثْرَ أَهْلِكَ مِمَّن قَبْلِهِمْ مِّن قَرْنٍ مَّكَّثَهُمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ يُمْكِنُوا لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِن تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْتَهُم بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِن بَعْدِهِمْ قَرْنًا

ءَاخِرِينَ ﴿٦﴾

Tidakkah mereka memerhati dan memikirkan berapa banyak umat-umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, padahal (umat-umat itu) telah Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang tidak Kami berikan kepada kamu, dan Kami turunkan hujan atas mereka dengan lebatnya, dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka mereka, dan Kami ciptakan sesudah mereka, umat yang lain?

Dosa sebenarnya sangat bahaya kepada kemakmuran dan kesejahteraan negara. Dosa terhasil daripada maksiat dan kemungkaran. Kemungkaran dan maksiat pula ada yang nampak dan zahir. Ada juga yang tersembunyi dan terlindung. Kemungkaran yang nampak nyata seperti minum arak, zina, berjudi tidak kurang bahayanya daripada maksiat dan kemungkaran tidak amanah, rasuah, pilih kasih, tidak berhati-hati mengurus harta awam dan sebagainya.

Sebaliknya usaha memberhentikan semua kemaksiatan ini dimulai dengan istighfar dan taubat. Apa yang menarik ialah istighfar dan taubat ini bukan setakat membersihkan diri dari dosa bahkan menariknya Allah memberi jaminan menambahkan aset yang sedia ada. Dalam hidup bernegara, kunci utama mengekalkan kemakmuran negara dengan rezeki yang melimpah ruah serta menambahkan aset dan khazanah sedia ada adalah dengan taubat dan istighfar. Ahli-ahli ekonomi penjaga khazanah negara mungkin tidak tergambar bagaimana kaitannya antara taubat dan istighfar dengan kemakmuran negara. Tidak tergambar oleh kita betapa kasih sayangnya kepada hamba-hambanya yang bertaubat dan sentiasa meminta ampun kepada-Nya. Kita dapati janji Allah ini terkandung dalam firman Allah dalam surah Hud ayat 52:

وَيَقَوْمٍ أَسْتَغْفِرُوا رَبَّهُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَى قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا مُجْرِمِينَ ﴿٥٢﴾

Dan wahai kaumku! Mintalah ampun kepada Tuhan kamu, kemudian kembalilah taat kepadaNya, supaya Ia menghantarkan kepada kamu hujan lebat serta menambahkan kamu kekuatan di samping kekuatan kamu yang sedia ada; dan janganlah kamu membelakangkan seruanKu dengan terus melakukan dosa!

Pembaziran, pecah amanah, tuntutan palsu elaun lebih masa, tuntutan elaun perjalanan palsu, rasuah, salah guna harta awam, melaksanakan program-program maksiat dan kemungkaran adalah sebahagian contoh kemaksiatan dan kemungkaran yang sering berlaku dalam sesebuah pentadbiran. Bayangkan berapa banyak wang ringgit akan terselamat dan digunakan di

tempat yang lebih berfaedah jika pelaku-pelaku kemungkaran berkenaan bertaubat dan beristighfar lantas menghentikan perbuatan-perbuatan itu.

Jadi janganlah kita hanya membayangkan taubat dan istighfar itu sekadar menzahirkan penyesalan dan menggentel-gentel biji-biji tasbih mengungkap kalimah-kalimah istighfar tetapi mestilah ia kita fahami sebagai aku janji dan tekad kita untuk meninggalkan dosa dan buktikan bahawa kalimat-kalimat istighfar itu tidak kita bohongi dengan tindakan-tindakan kita berterusan melakukan kemaksiatan.

Tarikh : 12 Mei 2026

No Siri : 9/2026